




KERJASAMA PENYELIDIKAN ANTARA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (MKN, JPM) DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama: Peranan, Isu dan Cabaran



**Yarina Ahmad
Raja Nushirwan Zainal Abidin
Nor Azira Ayob
Nor Suziwana Tahir
Norazah Abd Rahman**

© Penerbit UiTM, UiTM 2023

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
E-mel: penerbit@uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-363-960-1

Pereka Kulit Buku : Shima Shazana Mohd Ali / Fadhllyatun Farah Mahadi
Pereka Letak : Nurhunaina Mohd Bani

Dicetak di Malaysia oleh: Pusat Percetakan UiTM
Kolej Pengajian Seni Kreatif
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor

Kandungan

<i>Kata Pengantar I</i>	xii
<i>Kata Pengantar II</i>	xv
<i>Kata Pengantar III</i>	xvii
<i>Kata Pengantar IV</i>	xix
<i>Prakata</i>	xxi
<i>Senarai Rajah</i>	xxiii
<i>Senarai Jadual</i>	xxvii
<i>Senarai Singkatan</i>	xxix

BAHAGIAN A: Tentang Kajian

1 PENGENALAN

3

Yarina Ahmad, Raja Nushirwan Zainal Abidin, Nor Azira Ayob, Nor Suziwana Tahir, Norazah Abd Rahman, Siti Nur Fathanah Abd Hamid, Siti Zulaikha Mustapha & Nur Amalina Aziz

2 METODOLOGI KAJIAN

11

Yarina Ahmad, Siti Nur Fathanah Abd Hamid, Nor Azira Ayob, Nor Suziwana Tahir, Nur Amalina Aziz, Siti Zulaikha Mustapha, Shimaa Shazana Mohd Ali, Umi Nurul Najihah Azman, 'Alia Shahira Mohamad Faudzi, Ana Afrina Abd Jamil & Wan Saidatul Nasuha Wan Maizon

BAHAGIAN B: Sembilan Nilai Teras Keselamatan Negara

3A KEDAULATAN DAN KEUTUHAN WILAYAH: SOROTAN LITERATUR

39

Siti Zulaikha Mustapha, Yarina Ahmad, Raja Nushirwan Zainal Abidin, Syerina Azlin, Nursyahida Zulkifli, Nor Farizah Johari, Muhammad Syafiq Hassan, Afida Arapa, Saiful Zizi Jalil, Ibianaflorinciliana Niane Anthony Aning, Siti Mazzuana Shamsuddin, Ashley Ng Sok Choo, Norhasnida Mohamad, Shimaa Shazana Mohd Ali, Ana Afrina Abd Jamil, Amanda Balqis Mohd Mazalan, Hamzah Ishak & Mohammed Noh Dzulnashriq Abdul Hamid

Prakata

Buku “Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama: Peranan, Isu dan Cabaran” merupakan naskah rujukan ilmiah bagi segenap lapisan masyarakat tentang agenda keselamatan negara yang diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) seiring dengan pelaksanaan Dasar Keselamatan Negara (DKN) 2021-2025. Buku daripada hasil penyelidikan ini menggarapkan hasil dapatan Kajian Indeks Keselamatan Kebangsaan (IKK) yang telah dijalankan pada tahun 2022 dengan kerjasama strategik penyelidikan di antara MKN dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kajian IKK ini melibatkan seramai 81 orang penyelidik UiTM di seluruh Malaysia, 58 orang penyelidik strategik MKN, dan 8 orang pembantu penyelidik.

Buku ini menyampaikan naratif keselamatan negara yang diperolehi dari bukti empirikal melalui penyelidikan daripada lensa tiga kumpulan masyarakat: (1) kumpulan penguat kuasa dan pelaksana yang berurusan dengan keselamatan negara; (2) pemimpin komuniti; serta (3) masyarakat Malaysia. Penerokaan dapatan kajian yang kaya lagi mendalam dengan adaptasi metodologi penyelidikan yang kukuh telah membawa suatu naratif keselamatan negara yang komprehensif dan menyeluruh bagi pembacaan umum seluruh rakyat Malaysia. Melalui kaedah penyelidikan pelbagai (*multi-method*), buku ini membentangkan hasil dapatan kajian yang mengaplikasikan tiga pendekatan, termasuk sesi libat urus bersama agensi peneraju yang berurusan dengan keselamatan negara, pendekatan kualitatif melibatkan temu bual mendalam (*In-depth Interviews – IDIs*), temu bual kumpulan berfokus (*Focus Group Discussions – FGDs*), dan kaedah kuantitatif melibatkan soal selidik dalam talian dan secara bersemuka.

Perbincangan dalam buku ini dimulakan dengan perbahasan tentang isu keselamatan negara, dasar-dasar negara yang terdahulu dan terkini yang menekankan tentang aspek keselamatan negara, Dasar Keselamatan Negara (DKN) 2021-2025 yang menjadi rujukan utama bagi pelaksanaan strategi dan tindakan berkaitan dengan keselamatan negara yang komprehensif (COMSEC). Seterusnya, buku ini membentangkan sembilan nilai teras yang ditekankan di dalam DKN 2021-2022 dari segi kupasan literatur dan disusuli dengan hasil dapatan kajian secara empirikal yang menceritakan tentang pandangan kumpulan pelaksana dan penguat kuasa yang berurusan dengan isu keselamatan negara, peranan agensi yang terlibat dengan keselamatan negara, dan diakhiri dengan isu dan cabaran yang dihadapi dalam berurusan dengan isu keselamatan negara.

PENGENALAN

*Yarina Ahmad, Raja Nushirwan Zainal Abidin, Nor Azira Ayob,
Nor Suziwana Tahir, Norazah Abd Rahman, Siti Nur Fathanah Abd Hamid,
Siti Zulaikha Mustapha & Nur Amalina Aziz*

Keselamatan negara merupakan suatu aspek penting yang menggambarkan situasi yang bebas dari sebarang ancaman yang wujud dari dalam, maupun luar negara. Keselamatan juga merujuk kepada situasi negara yang aman, makmur dan harmoni agar masyarakat dan negara dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab ke arah yang lebih baik (Burhanudin, 2015). Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa keselamatan negara merupakan suatu usaha yang dilakukan secara berterusan dan menyeluruh untuk memastikan Malaysia sentiasa kekal wujud sebagai sebuah negara yang berdaulat dan seterusnya berupaya mengamalkan sistem pentadbiran yang berlandaskan prinsip Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Malaysia merupakan sebuah negara yang berusaha untuk memastikan kedaulatan dan keselamatan negara sentiasa dilindungi dan dipelihara. Justeru, negara sentiasa memberi penekanan kepada aspek keselamatan dalam dasar-dasar utama negara seperti yang tertera di dalam Rancangan Malaysia serta dasar-dasar khusus yang dibangunkan oleh pihak kerajaan. Sepertimana yang ditekankan di dalam dasar utama negara, aspek keselamatan bukan merupakan isu baharu, malahan isu ini telah lama dibincangkan sejak negara belum mencapai kemerdekaan lagi. Keselamatan merupakan agenda utama negara yang telah lama ditekankan sejak tahun 1960an.

Buktinya, dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) negara mula memberi penekanan kepada aspek keselamatan terutama sekali bagi aktiviti pembangunan dan kemajuan ekonomi. Antara kekangan ekonomi yang dibangkitkan pada masa tersebut adalah ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan, kebergantungan yang tinggi terhadap barang eksport, peningkatan populasi dan kekurangan dalam pembangunan sumber manusia. Susulan daripada itu, negara telah merancang pelbagai strategi bagi memastikan pembangunan ekonomi yang seimbang dan menyeluruh dalam pelbagai aspek.

Aspek ekonomi mula ditekankan dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) sehingga Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025. Terkini, Malaysia meneruskan agenda pemantapan ekonomi negara dengan memberi penekanan kepada tiga tema utama iaitu: (1) menjana semula ekonomi; (2) memperkuatkkan keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti; dan (3) melonjakkan kemampunan. Justeru, bagi merealisasikan hasrat ini, terdapat empat